

GARIS PANDUAN PENGKATALOGAN - BAHAGIAN PENGINDEKSAN

PENGENALAN

Bahagian Pengindeksan adalah bahagian yang bertanggungjawab membuat pengkatalogan dan pengelasan bahan-bahan rujukan perpustakaan yang diperolehi secara belian, hadiah dan pertukaran. Bahan-bahan rujukan terdiri daripada bahan bercetak dan bahan bukan bercetak. Bahan bercetak ialah bahan seperti buku, majalah, risalah dan lain-lain dan bahan bukan bercetak pula terdiri daripada bahan media seperti CD-ROM, kaset, video, disket dan sebagainya. Bahan kartografik pula meliputi bahan-bahan seperti peta, rajah, carta, atlas dan sebagainya. Mulai 1 Julai 2008, Bahagian Pengindeksan telahpun menggunakan format MARC 21 berbanding MALMARC sebelumnya.

a) Tujuan

Aktiviti mengindeks dan memproses buku Mengindeks Bahan Asal/Mengkatalog Salin (CIP)

- (i) untuk memastikan setiap buku dan bahan di Perpustakaan dikelas dan diproses mengikut bidang perkara-perkara tertentu untuk kemudahan rujukan pengguna-pengguna Perpustakaan.
- (ii) untuk memastikan setiap buku dan bahan diproses mempunyai rekod di dalam sistem ILMU.
- (iii) untuk memastikan setiap buku dan bahan diberi nombor panggilan untuk memudahkan pencarian bahan di rak.

KAEDAH PENGINDEKSAN

- a) Dua jenis proses penentuan bahan yang dipraktikkan ialah:
 - i) **Mengindeks bahan asal** - menentukan entri untuk sesuatu bahan mengkatalog deskriptif, mengkatalog perkara dan pengelasan.
 - ii) **Mengkatalog salin bahan CIP (*Cataloging In Publication*)** – mengambil butir-butir katalog yang sudah sedia ada dalam format CIP/dalam *bibliofile*. Nombor panggilan yang tersedia perlu dipinda untuk disesuaikan dengan senarai nombor panggilan dalam sistem ILMU.
- b) Dalam mengindeks deskriptif, panduan yang dirujuk adalah **AACR2 (Anglo American Cataloguing Rules 2nd edition 2002 Revision, 2005 updated)**.

- c) Dalam menentukan judul perkara, **LCSH** (*Library of Congress Subject Headings*) adalah digunakan.
- d) Dalam menentukan pembahagian judul perkara (*subdivision*), rujuk '**Library of Congress Subject Heading : a guide to subdivision practice.**'
- e) Perpustakaan menggunakan **LCC** (*Library of Congress Classification*) bagi sistem pengelasan dan **LCCS** (*Library of Congress Classification Schedules*) dalam menentukan nombor kelas.

KATEGORI BAHAN

Bahan-bahan yang diindeks dan diproses oleh Bahagian Pengindeksan dapat dikategorikan dalam beberapa kriteria iaitu:

BAHAN KOLEKSI LAYANAN TERBUKA

Bahan-bahan dalam koleksi ini meliputi pelbagai bidang dan boleh dipinjam keluar oleh pengguna mengikut kategori dan kelayakan masing-masing.

BAHAN RUJUKAN

Bahan rujukan merupakan bahan akses terhad seperti kamus, ensiklopedia, buku tahunan, laporan tahunan, direktori, bibliografi, buku istilah, indeks, abstrak, atlas dan sebagainya (bergantung kepada kandungan bahan). Bahan-bahan ini hanya boleh dirujuk di perpustakaan sahaja.

Bahan Kamus (Dictionary)

Pastikan ‘item category’ ialah ‘reference dictionary’ manakala SMD pula ialah ‘dictionary’ dan bukannya ‘book’.

Bahan Glossary (Glosari)

Pastikan ‘item category’ – Reference dictionary (rd) & ‘SMD’ – Dictionary

Bahan Laporan Tahunan (Annual Report)

Bagi tahun seperti 2005/2006, 2003/2004 dan lain-lain maka perlu dimasukkan pada:

- i) Tag 500 |aLibrary has : 2005/2006-
- ii) Notes/Volume (paparan di WebOPAC) - 2006/2007
- iii) Bahagian ‘spine label’ hanya dimasukkan tahun awal ; contoh 2006/2007, ‘spine label’ adalah seperti di bawah:

**HC
445.5
.M34
2006
rgp**

BAHAN RED-SPOT

Merupakan buku-buku yang dicadangkan oleh pensyarah untuk dirujuk oleh para pelajar. Bahan-bahan redspot boleh dipinjam untuk tempoh 2 jam ataupun semalam. Bahan-bahan ini biasanya diletakkan di Kaunter Sirkulasi.

BAHAN HARAM

Merupakan bahan diharamkan penerbitan dan edarannya oleh Kementerian Dalam Negeri tetapi ada dalam koleksi perpustakaan. Bahan ini boleh dirujuk jika mendapat kebenaran dan kelulusan daripada Ketua Pustakawan.

POLISI MENGKATALOG

PENENTUAN ENTRI UTAMA

Dua jenis entri utama :

- a) Entri pengarang
- b) Entri judul

ENTRI PENGARANG

i) Individu sebagai pengarang:

Jika buku dikarang oleh seorang, dua atau tiga orang individu tetapi tidak melebihi tiga, entri utama di bawah pengarang pertama.

Sila rujuk tag 100.

ii) Badan korporat sebagai pengarang:

Jika tidak ada pengarang perseorangan dan isi kandungan buku mengenai aspek-aspek tertentu badan korporat (kerajaan, agensi kerajaan, badan berkanun, institusi, persatuan, dan sebagainya) dan biasanya terdapat dalam laporan / laporan tahunan badan korporat, masukkan entri utama di bawah badan korporat.

Sila rujuk tag 110

iii) Nama persidangan sebagai pengarang:

Jika nama persidangan / mesyuarat / bengkel / seminar diketahui dan maklumatnya tertera di muka surat judul atau *verso title* (verso muka surat judul), masukkan nama persidangan di bawah entri utama.

Sila rujuk tag 111

ENTRI JUDUL

- i) bahan yang tiada pengarang (disunting, disusun, diterjemah dan sebagainya).
- ii) bahan yang mempunyai 4 orang atau lebih pengarang.
- iii) bahan persidangan tetapi nama persidangan tidak diketahui atau maklumat persidangan terdapat selain di muka surat judul atau *verso title*.
- iv) Bahan berjilid yang mempunyai siri yang sama tetapi judul yang berlainan. (siri sebagai entri judul).

TAG-TAG YANG DIGUNAPAKAI DI PERPUSTAKAAN UTeM

TAG

008 ‘Print Media: Information codes’

Contoh:

008 090319s2008 my q may

090319 – tarikh bahan dikatalog

s2008 - tahun bahan diterbitkan

my - merujuk kepada tempat diterbitkan

q - frekuensi (hanya untuk bahan serial sahaja)

may - bahasa bagi bahan tersebut (dwibahasa – pilih yang utama)

010 Nombor LCCN (Library of Congress Control Number)

Tag ini boleh dirujuk terus pada bahan tersebut atau Library of Congress dan hanya digunakan bagi bahan CIP sahaja. Nombor ini mengandungi 10 digit, sekiranya nombor tersebut mengandungi tanda ‘-‘ hendaklah ditukarkan kepada angka 0.

Contoh:

010 |a1234567890

010 |a97-7899630 **ditulis 9707899630.**

020 ISBN (International Standard Book Number)

1) ISBN mengandungi 10 dan 13 digit. Perpustakaan UTeM menggunakan kedua-dua ISBN ini yang dicetak di bahagian kulit buku belakang.

Contoh:

020 |a**0273625322**

020 |a**9780470171158**

2) Sekiranya terdapat dua penerbit yang berbeza ISBN, masukkan kedua-duanya sekali.

Contoh:

Springer

CRC Press

020 |a**007338142X020**

020 |a**0273625322**

3) Jika bahan tersebut mempunyai ISBN ‘*part of*’, hanya ISBN di bahagian atas sahaja digunakan.

4) Jika bahan diterbitkan secara berjilid, ISBN bagi setiap jilid perlu dimasukkan berserta ISBN set jika ada.

Contoh:

020 |a**9781420045350** (set)

020 |a**9781420045253** (v. 1)

020 |a**9781420045237** (v. 2)

020 |a**9781420045474** (v. 3)

5) ISBN bagi bahan yang mempunyai tajuk yang sama tetapi fizikal bahan berbeza.

Bagi bahan yang mempunyai tajuk yang sama tetapi berlainan fizikal (berkulit keras dan berkulit lembut), ianya hendaklah dimasukkan ke dalam satu **Bibliographic Organization (BO)** yang sama. Walau bagaimanapun, Cutter number bagi bahan tersebut tidak perlu dikembangkan.

ISBN – hardcover/softcover.

Contoh:

020 |a12345678910 (hbk.) - bagi bahan kulit keras

020 |a10119876543 (pbk.) - bagi bahan kulit lembut

7) ISBN yang merujuk kepada penerbit buku tidak perlu dimasukkan.

Contoh:

MHID 0073250325

8) ISBN bagi bahan naskah tambahan yang berbeza edisi perlu juga dimasukkan.

Contoh :

020 |a12345678910 (International ed.)

020 |a10119876543 (Student ed.)

022 ISSN (International Standard Serial Number)

ISSN ini merujuk kepada nombor yang tercatat pada bahan yang diterbitkan secara berkala.

Contoh:

022 |a**1594-7891**

050 Nombor panggilan/pengkelasan yang diperolehi daripada Library of Congress.
Ia merujuk kepada nombor pengkelasan atau nombor panggilan yang diambil dari *Library of Congress Classification*.

Contoh:

050 |aTJ260|b.M518 2008

090 Nombor panggilan yang digunakan mengikut polisi yang telah ditetapkan.
Nombor panggilan ini juga digunakan pada label buku untuk paparan di Web OPAC.

Contoh:

090 |aTJ260|b.M51 2008

1) Bagi bahan yang mempunyai 2 versi (Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris), nombor Cutter bagi bahan yang mempunyai versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris perlulah dikembangkan.

Contoh: Bahan yang mempunyai pengarang.

Meniti puncak : antara realiti dan fantasi BF697.5.S46.N34 2006
Towards greater heights : between fantasy and reality BF697.5.S46.N35 2006

*Bagi bahan yang tiada pengarang, penentuan ‘cutter’ dibuat berdasarkan judul yang diterima lebih awal.

Contoh : Bahan yang tiada pengarang.

Meniti puncak : antara realiti dan fantasi BF697.5.S46.M46 2006
Towards greater heights : between fantasy and reality BF697.5.S46.M47 2006

2) Bahan terjemahan diberi nombor panggilan yang serupa dengan bahan asal, hanya dibezakan dengan tambahan nombor 2 pada ‘cutter’. Tambahan nombor 2 ini hanyalah khusus untuk terjemahan ke Bahasa Melayu sahaja.

Contoh:

LB1025.3.C62 2007

Succesful teaching/ Bryan Coombs

LB1025.3.C622 2007

Mengajar secara efektif / Bryan Coombs ; penterjemah, Siti Aishah Mohd Elias

Bahan iringan kepada sesuatu penerbitan, diindeks berasingan dari teks asal. Nombor panggilan bagi bahan iringan adalah sama dengan bahan asal, cuma dibezakan dengan tambahan nombor 3 diikuti susunan nombor bahan iringan (3xx) pada cutternya. Susunan adalah seperti berikut :-

Contoh:

| | |
|--|----------------------------|
| Robotics technology | TJ211.M35 1996 (main text) |
| Instructor’s guide for robotics technology | TJ211.M35301(iringan 1) |
| Laboratory manual for robotics technology | TJ211.M35302(iringan 2) |
| Student’s guide for robotics technology | TJ211.M35303(iringan 3) |

100/700 Pengarang

- i) ‘Bin’ atau ‘binti ‘ (bte, bt.) dalam nama pengarang Melayu tidak dimasukkan ke dalam entri utama atau entri tambahan.
- ii) Penggunaan gelaran Haji, Dr., Prof., Prof Madya juga tidak dimasukkan sama ada untuk nama pengarang atau bapa pengarang tetapi maklumat ini hanya dimasukkan di dalam kenyataan pengarang bagi tag 245, medan C. Namun begitu, bagi staf dan pelajar daripada UTeM, perlu dibuat entri yang lengkap contohnya. Razali Ayob, Prof. Dr.
- iii) Gelaran kebesaran seperti Dato’, Datuk, Tan Sri dan sebagainya adalah hanya untuk Perdana Menteri Malaysia, ahli kabinet kerajaan Malaysia, Canselor UTeM, TNC UTeM dan Ahli Lembaga Pengarah UTeM.
- iv) ‘a/l’ atau ‘a/p’ dalam nama pengarang India tidak dicatat dalam entri utama dan entri tambahan.

Contoh: **Anne Sinapan bukannya Anne a/p Sinapan**

- v) Untuk nama pengarang yang berasal dari Sarawak/Sabah, perkataan ‘anak’ tidak perlu dimasukkan ;

Contoh : **Wilson Suai Moses Jantan – nama asal**
Wilson Suai Moses Jantan – digunapakai

- vi) Untuk nama yang ada **a/p** (**anak perempuan**) **alias** / @ tidak perlu dimasukkan, cuma perlu ambil nama dihadapan sahaja.

Contoh : **Anne a/p Sinapan @ Sinappan – nama asal**
Anne Sinapan – nama yang digunapakai

- vii) Untuk penanggungjawab yang mempunyai nama hanya 2 huruf, maka nombor cutter adalah seperti berikut ;

Contoh : **Del Pe – nama asal**

100 1 |aPe, Del

Nombor Cutter : .P42 , diambil dari ‘e’ dan ‘D’

- viii) Buat entri terus bagi nama pengarang Melayu, India dan Cina (Malaysia/Singapura).

Contoh:

India – Ramasamy Chandran
Cina – Tan, Mei Ling
Melayu – Usman Awang

Untuk pengarang-pengarang yang nama mereka bermula dengan Mohammad, Mohamed, Muhammad, Muhamad, Muhamed, Md., Muhd, Mohd, Ahmad, Abdul, Mc, Mac, Nor, Nur, Siti, mulakan nombor Cutter dengan huruf pertama selepas nama-nama tadi. Begitu juga dengan nama-nama gelaran keluarga yang bermula dengan Awang, Dayang, Tuan, Nik, Sharifah, Syed, Che, Wan, Raja, Tun, Pengiran, Megat, Puteri, Tengku, Sheikh, Syeikh

Contoh:

Ahmad Tarmidzi .A82 (T=8, A=2)

Mohd Rosli .M76 (R=7, O=6)
Md. Radhi .M72 (R=7, A=2)
McDonald .M36 (D=3, O=6)

- ix) Kenyataan penanggungjawab (tag 245, |c)

Di dalam kenyataan penanggungjawab, perkataan ‘dan/and’ atau ‘*with/dengan*’ atau simbol ‘&’ tidak perlu dicatatkan tetapi maklumat penanggungjawab dipisahkan dengan tanda koma (,). Tetapi kenyataan penanggungjawab lebih dari 2, tulis sebagaimana yang terdapat pada sumber bahan.

Contoh 1:

245 |cJohn Myer and Michael Scott - tidak digunakan
|cJohn Myer, Michael Scott - digunakan

245 |cJohn Myer with Michael Scott - tidak digunakan
|cJohn Myer, Michael Scott - digunakan

- x) Bagi ‘compound name’, nama pengarang tidak dipisahkan.

Contoh: **Torres William-Black** ditulis sebagai **William-Black, Torres**

- xi) Tanda noktah (.) bagi singkatan nama pengarang perlu dicatat berdasarkan maklumat pada bahan.

Contoh : M. K Land, Wayne J. Rooney

- xii) Nama pengarang yang mempunyai nama samaran, gunakan nama yang sering dikenali.

Contoh : **HAMKA bukannya Haji Abdul Malik**

: SISO bukannya Syed Ibrahim Syed Omar
: ZA’BA bukannya Zainal Abidin Ahmad
: Chef Wan bukannya Redzuawan Ismail

- xiii) Penggunaan ... [et al.]

Contoh:

0 |aTechnology in Marine|cBryan Wilson ... **[et al.]**

xiv) Bagi bahan yang mempunyai ”penyumbang bersama”, penyata penanggungjawab adalah seperti berikut :-

| | |
|---|---|
| Tag 245 dan Tag 700 perlu dimasukkan | Tag 245 dimasukkan, tetapi Tag 700 tidak perlu dimasukkan. |
| a) Illustrated by ... b) Translated by ... c) Updated by | a) Collaborator b) Foreward c) Contributor d) Assistance e) Series editor |

xv) Nombor panggilan bagi tokoh-tokoh negara/negeri adalah seperti berikut:

| Nama Tokoh-tokoh negara/ negeri | No. Panggilan. |
|---|----------------|
| Tun Abdul Rahman Putra (Tun Abdul Rahman Putra, al-Haj, 1903-1990) | DS597.215.A73 |
| Dato' Onn Jaafar | DS597.215.O58 |
| Tun Abdul Razak (Abdul Razak Dato' Hussein, Tun Haji, 1922-1976) | DS597.215.A72 |
| Tun Mahathir Mohamad (Mahathir Mohamad, Tun Dr., 1925-) | DS597.215.M33 |
| Abdullah Ahmad Badawi (Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Seri, 1939-) | DS597.215.A22 |
| Mohd. Khalil Yaakob (Mohd Khalil Yaakob, Tan Sri Dato' Seri, 1937-) | DS597.215.M53 |
| Tun Dr. Ismail (Ismail Dato Abdul Rahman, Tun, 1915-1973) | DS597.15.I86 |

| | |
|---|-----------------------|
| Tamby Chik | DS597.215.T35 |
| Leo Moggie | DS597.215.M63 |
| Dato' Seri Dr. Mohamad Khir Toyo | DS597.215.M62 |
| Ketua Menteri Melaka Mohd Ali Rustam | DS597.215 .M34 |
| Tun Abdul Ghafar Baba (Abdul Ghafar Baba, Tun, 1925-2006) | DS597.215.A33 |
| Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat (Nik Abdul Aziz Nik Mat, Dato', 1931 -) | DS597.215.A33 |
| Jeneral Tun Ibrahim Ismail (Ibrahim Ismail, Tun, 1922 -) | DS597.215.I27 |

Bahan siri/teks ucapan tokoh seperti Perdana Menteri / Ketua Menteri ; no. panggilan :-

DS597.215.M34

*M34 – Nombor Cutter nama tokoh

110/710 Entri Untuk Badan Selembaga

Entri badan selembaga dari Malaysia, gunakan nama penuh badan berkenaan di dalam Bahasa Malaysia.

Contoh :

110/710 1 2 |a**Malaysia. Kementerian Pertanian. Jabatan Perikanan** (*indirect*)

110/710 2 |a**Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia** (*direct*)

111 Entri Nama Mesyuarat/Persidangan

Nama mesyuarat atau persidangan dijadikan entri utama rekod bibliografi..

Entri utama di bawah nama mesyuarat diletakkan di bawah nama mesyuarat yang mengandungi hasil kerja melibatkan prosiding, laporan dan sebagainya.

Contoh:

111 2 |aInternational American Conference|n8th|d1938|cLima, Peru.

111 2 |aFestival of Britain|d1951|cLondon, England

245 Judul dan Penanggungjawab

Bagi judul yang bermula dengan ‘a’, ‘an’ dan ‘the’, penentuan *indicator* adalah seperti berikut :-

Contoh :

245 1 2 |aA report to the legislature for the year ...

245 1 3 |aAn interpretation of Zarahemla ...

245 1 4 |aThe analysis of the law...

Penentuan Nombor Cutter

Sekiranya entri utama bahan tersebut adalah judul yang bermula dengan ‘a’, ‘an’ dan ‘the’, nombor Cutter bagi bahan tersebut hendaklah bermula dengan perkataan selepasnya. Ini bermakna penggunaan ‘a’, ‘an’ dan ‘the’ diabaikan dalam menentukan nombor Cutter.

Contoh:

245 0 4 |aThe Olympic marathon|cedited by David E. Martin

090 0 0 |aGB1065|b.O59 2000

Penggunaan Kenyataan Bahan Umum (GMD) (Tag 245-subfield |h)

General Material Designation (GMD) ialah terma yang merujuk kepada jenis/kelas bahan yang dipunyai bahan tersebut dan ia dinyatakan dalam tag 245 di bawah subfield |h. Biasanya ia merujuk kepada bahan bukan buku seperti (sound recording, computer file, compact disc, digital video disc).

Contoh:

Compact Disc – CDR

090 00 |aCDR |b00001
245 10 |aVisual C++ 6.0 compiler |helectronic resource

Video - VID

090 00 |aVID |b00001
245 10 |aHistory of the robot |hvideo recording

Digital Video Disc - DVD

090 00 |aDVD |b00001
245 10 |aLaser technology |hdigital video disc

Disket - DSK

090 00 |aDSK |b00001
245 10 |aUnderstanding signals and systems |hdisk

Kaset - CAS

090 00 |aCAS |b00001
245 14 |aThe pronunciation of English |hcassette

Slaid - SLD

090 00 |aSLD |b00001
245 10 |aFaults in fusion welds in construction steels|hslide

250 Edisi

Semua bahan yang mempunyai edisi perlu dimasukkan kecuali edisi pertama.

Contoh:

2nd. edition – 2nd ed.

Revised edition – Rev. ed.

Computational edition – Computational ed.

Student edition – Student ed.

International edition – International ed.

Complete edition – Complete ed.

New edition, revised edition and expanded edition - New ed., rev. and expanded

Bagi bahan yang mempunyai edisi yang berturutan, nombor *Cutter* bagi bahan tersebut tidak perlu dikembangkan.

Contoh:

090 0 0 |aT59|b.S54 2002 - 2nd ed.

090 0 0 |aT59|b.S54 2004 - 3rd ed.

090 0 0 |aT59|b.S54 2006 - 4th ed.

Bagi bahan yang mempunyai edisi yang berturutan tetapi diterbitkan pada tahun yang sama, nombor *Cutter* bagi bahan tersebut perlu dikembangkan.

Contoh:

090 0 0 |aJZ1242|b.G64 2008 - 4th ed.

090 0 0 |aJZ1242|b.G65 2008 - 5th ed.

260 Penerbitan

Merujuk kepada tempat penerbitan, penerbit dan tahun terbitan. Bagi tempat penerbitan di Amerika Syarikat, gunakan singkatan yang ditetapkan.

Contoh:

Upper Saddle River – NJ

San Francisco - CA

260 |aUpper Saddle River, NJ|bPearson|c2004

260 |aSan Francisco, CA|bJohn Wiley & Sons|c2011

Sekiranya terdapat dua penerbit pada bahan tersebut, masukkan penerbit yang paling dominan sekali.

Contoh : |aBoca Raton, FL|aBerlin |bCRC Press/Elsevier
|aBoca Raton, FL|bCRC Press

Nama penerbit tempatan Malaysia, guna nama penuh penerbit tersebut. Masukkan seperti entri badan selembaga.

Contoh :

FRIM – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.
UKM – Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penerbit badan antarabangsa yang telah “*established*” seperti UNESCO, ASLIB, dan lain-lain, tulis seperti yang tercatat pada bahan tersebut.

Bagi penerbit, perlu dimasukkan ringkasan seperti berikut:

Company – Co.
Corporation – Corp.
Publisher/ Publication/Publishing – Pub.
Distribution/Distributor – Dist.

Contoh : Utusan Pub. & Dist.

Bagi tahun penerbitan, sekiranya bahan tersebut diulang cetak, kaedah penulisannya seperti berikut:

Reprint – (Rep. 2008)

Bagi bahan yang tidak dapat ditentukan **tempat penerbitannya**, masukkan nama bandar yang paling mungkin.

Contoh : [London]

Bagi bahan yang tidak dapat ditentukan langsung **tempat penerbitannya**, masukkan perkataan s.l. (sine loco)

Contoh : [S.l.]

Bagi bahan yang tidak dapat ditentukan **penerbitnya**, masukkan nama penerbit yang paling mungkin.

Contoh : [CRC Press]

Bagi bahan yang tidak dapat ditentukan langsung **penerbitnya**, masukkan perkataan s.n. (sine nomine)

Contoh : [s.n.]

Bagi bahan yang tidak dapat ditentukan tahun terbit, masukkan tahun terbit yang paling mungkin.

Contoh : [2007] atau [2007?]

300 Kolasi

Kolasi merujuk kepada deskripsi fizikal bahan seperti mukasurat, volume, ilustrasi, dimensi iaitu ukuran ketinggian bahan bagi menentukan kategori bahan sama ada OSS atau OSF. Bagi ketinggian bahan berukuran 15 cm ke bawah, ia dikategorikan sebagai Open Shelf Small (OSS) manakala bahan berukuran 27.5 cm ke atas, bahan tersebut dikategorikan sebagai Open Shelf Folio (OSF). Tag ini juga menerangkan tentang bahan yang mempunyai lebih daripada satu jilid atau yang dilampiri oleh bahan lain.

Contohnya:

Bahan yang tiada volume.

300 |axvii, 230 p.|bill. (some col.)|c26 cm

Bahan yang berjilid (volume).

300 |a2v.|bill. (some col.)|c26 cm

Bahan yang mempunyai lampiran sebagai contoh CD-ROM, DVD, kit dan lain-lain.

300 |a230 p.|bill. (some col.)|c26 cm|e1 CD-ROM (4 ¾ in.)

310 Frekuensi

Frekuensi adalah kekerapan bahan diterbitkan secara berkala seperti jurnal, majalah dan sebagainya. Kekerapan terbitan seperti tahunan, bulanan, mingguan dan lain-lain.

Contoh:

310 |aQuarterly

490 Kenyataan Siri

Kenyataan siri menerangkan maklumat berkenaan siri penerbitan sesuatu bahan.

Contoh :

Bagi bahan terbitan SAE International/Society of Automotive Engineers yang mempunyai siri SP-1738;

490 0 |aSAE Special Publication|bSP-1738

Jika ada 2 judul siri, sila masukkan kedua-dua siri tersebut.

Bahan terbitan IPTA/ Universiti seperti UUM, UKM & USM dll. yang mempunyai siri;

Contoh:

Working Paper Series No. 6/2002;

490 |aWorking Paper Series|vNo. 6/2002 - salah

490 |aWorking paper series (Universiti Utara Malaysia. Faculty of Accountancy)|vno. 6/2002 - betul

500 Nota Umum

Bahasa yang digunakan dalam tag ini mengikut AACR2 adalah Bahasa Inggeris. (Sila rujuk AACR2 1.7, m.s. 49-53), kecuali bahan di dalam Bahasa Melayu, tag ditulis menggunakan Bahasa Melayu.

Bahan terjemahan diberi nombor panggilan yang serupa dengan bahan asal, hanya dibezakan dengan tambahan nombor 2 pada Cutter. Tambahan nombor 2 ini hanyalah khusus untuk terjemahan ke Bahasa Melayu sahaja.

Contoh:

LB1025.3.C62 2007

Succesful teaching/ Bryan Coombs

LB1025.3.C662 2007

Mengajar secara efektif / Bryan Coombs; penterjemah Siti Aishah Mohd Elias

Bagi terjemahan ke dalam Bahasa Inggeris, sila catatkan judul asal bahan.

Contoh:

500 Translation of :

Nota untuk buku terjemahan di tag 500, gunakan:

- a) Malay version of : The Arab
- b) English version of : The Arab
- c) Translation of : Le deuxieme sexe

Nota makalah pada tag 500, gunakan:

Judul .vol (no) :m.s;bulan tahun

Contoh sumber makalah yang dipetik dari majalah :

Computing popular 5(2) : 196-198; May 1983

Nota conference di tag 500, gunakan :

Judul, tahun, tempat :m.s

Contoh sumber makalah yang dipetik dari persidangan :

World Conference on Bird Hazard to Aircraft, 1969, Kinston, Ontario : 198-200

Bagi bahan yang dilampiri dengan teks yang lain seperti CD, DVD, VCD dan lain-lain, kaedah penulisannya adalah seperti berikut:

Bagi teks Bahasa Melayu

500 |aDilampiri dengan CD : CDR 00536

500 |aMelampiri teks dengan judul yang sama : TJ211.M35 2007 os

500 |aMelampiri teks dengan judul yang berbeza : TJ211.M35 2007 os

Bagi teks Bahasa Inggeris

500 |aAccompanied by CD : CDR 00536

500 |aAccompanies text with the same title : TJ211.M35 2007 os

500 |aAccompanies text entitled "Foundations of professional personal training : the essential resource for the Can-Fit-Pro Personal Training Specialist Certification" : GV428.7F68 2008 osf

Bahan yang berjilid

500 |aV. 1 : Concepts, v. 2 : Labs

Nota bahan ‘electronic resource’ seperti ‘*e-journal*’, ‘*e-book*’ dan pangkalan data atas talian :

500 |aAlso available in online version
500 /aAccess limited to UTeM community only

502 Nota - Disertasi

Bagi bahan tesis atau projek sarjana muda yang dihasilkan oleh pelajar, masukkan nota disertasi/projek pelajar tersebut dengan tesis atau projek pelajar diikuti peringkat tesis, nama program, nama institusi yang mengeluarkan tesis/kertas projek dan tarikh ianya dikeluarkan.

Contoh:

502 |aThesis (Ph.D) - University of Birmingham, 2011
502 |aThesis (Master of Science (Mathematic)) - Universiti Teknologi Malaysia, 2006
502 |aThesis (MSc in Semiconductor Physics and Technology) - University of West London, 1988
502 |aThesis (Master of Science in Manufacturing Engineering)-Universiti Teknikal Malaysia Melaka, 2011
502 |aProject paper (Bachelor of Manufacturing Engineering (Manufacturing Process)) - Universiti Teknikal Malaysia Melaka, 2008

650 Judul Perkara dan Pembahagian

Perpustakaan UTeM menggunakan ejaan Amerika bagi judul perkara seperti yang terdapat dalam LCSH.

- Perpustakaan mengamalkan kaedah ‘*may subdivide geographically*’ yang terdapat di LCSH untuk pembahagian tempat dalam judul perkara. Hanya tiga negara – Malaysia, Great Britain dan Amerika Syarikat – dibenarkan dua pecahan tempat mengikut susunan Negara - Negeri tanpa mengira kedudukan negara itu sama ada di belakang atau di hadapan judul perkara.

Contoh:

**Architecture, Domestic - Malaysia - Melaka
Malaysia - Selangor -Social conditions
United States - California - History**

Lain-lain Negara mengikut pecahan pertama sahaja :

Architecture. Colonial – Egypt

Kaedah pembahagian geografi (medan x)

Contoh:

**Engineering geology (May Subd Geog) – Research
(May Subd Geog)**

Cara entrinya adalah seperti berikut

Engineering geology – Research – Malaysia

bukannya

Engineering geology – Malaysia – Research
Land use – Law and legislation – Malaysia

- Pembahagian berikut tidak digunakan:

Addresses essays.lectures

Juvenile literature

Apparatus and supplies ditukar kepada **Equipment and supplies**

Tables etc (ditukar kepada **tables**)

Near East (diganti dengan **Asia, Western**)

Far East (diganti dengan **Asia, Eastern**)

- Judul perkara yang mempunyai tanda ‘++’. dsb, catat seperti berikut

C++ (Computer program language)

- Gunakan ejaan Amerika dalam judul perkara. Misalannya: seperti yang terdapat dalam LCSH

| <u>British</u> | <u>Ejaan Amerika</u> |
|----------------|----------------------|
| Behaviour | behavior |
| Centre | center |
| Colour | color |
| Fibre | fiber |
| Programmers | programs |

- Nama peribadi dalam judul perkara (Tag 600 atau 650)
Nama peribadi tidak digunakan dalam judul perkara
Kecuali nama:
 - Nabi Muhammad s.a.w**
 - Perdana Menteri Malaysia**
 - Bekas Perdana menteri Malaysia**
 - Arkitek**

Untuk nama yang ada menceritakan atau membincangkan khusus tentang UTeM atau fakulti di UTeM maka perlu dimasukkan salah satu 'subject heading' seperti contoh di bawah:

650 |aUniversiti Teknikal Malaysia Melaka atau
 650 |aUniversiti Teknikal Malaysia Melaka. Fakulti Teknologi Maklumat
 dan Komunikasi

Contoh judul:

1. **UTeM alumni** maka salah satu 'subject heading' ialah **Universiti Teknikal Malaysia Melaka**
2. **FTMK class timetable scheduling system**

- Untuk 'subject heading', tempat tidak perlu terperinci sangat ; contoh judul 'Redang Island website'

650 |aRedang Island (Malaysia)|vDescription and travel – salah

650 |aMalaysia|zTerengganu|vDescription and travel – betul

Sila gunakan pembahagian 'negara' dan 'negeri' sama ada di hadapan atau di belakang '*subject heading*'.

850 'Library Holding'

Tag 850 adalah untuk bahan-bahan bersiri:

Contoh:

850 |aLibrary has: vol. 14, no. 1 (Jan-Mar 2003)-

850 |aLatest received: vol. 19, no. 4 (Oct-Dec 2008)

856 Laman Web

Maklumat '*url address*' ini adalah maklumat tambahan yang biasanya disertakan bersama-sama bahan iringan sesuatu bahan bagi membantu pengguna yang ingin mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

Contoh: |uhttp://www.utem.edu.my

996 Nama Kursus bagi Fakulti


Tag ini digunakan bagi memudahkan pembahagian setiap kursus di fakulti.

Contoh: BITM


997 Nama Pencadang Bahana

Pencadang bagi setiap bahan yang diindeks adalah fakulti yang telah membuat cadangan bagi pembelian bahan tersebut oleh pihak perpustakaan. Pencadang adalah terdiri daripada pensyarah fakulti (FTMK, FKP, FKM, FKEKK, FKE dan FPTT) dan pegawai-pegawai kanan Universiti termasuk Ketua Pustakawan dan Timbalan Ketua Pustakawan.

Contohnya:

**998 Nama Pengkatalog dan Tarikh**

Di dalam tag ini dimasukkan 'initial' pengindeks (pustakawan) dan penginput (pembantu) serta tarikh piawai diindeks. Contohnya:



KELAS DAN NOMBOR PANGGILAN

Kelas

Buku mengenai ‘Study and teaching’ sesuatu bidang seperti Matematik, Fizik, Kimia dan sebagainya dikelaskan mengikut perkara dan tidak lagi di dalam kelas L.

Buku mengenai bangunan sekolah dan institusi pelajaran dikelaskan dalam NA6608 bukan dalam kelas LB

Buku mengenai ‘Landscape architecture’ dan ‘Gardening’ dikelaskan dalam NA9060-9070 bukan dalam SB469-479.

Buku mengenai “Hospital building” dikelaskan dalam NA6763, bukan dalam kelas RA967.

Buku mengenai ‘Jesus Christ in the Koran’ diletakkan di dalam kelas BP133.7.J37 kerana mengikut Islam (Nabi Isa adalah manusia).

Buku-buku mengenai undang-undang sesuatu bidang perkara dikelaskan di dalam kelas K, kecuali di mana nombornya belum disediakan. Barulah ia di kelaskan mengikut perkara masing-masing.

Perpustakaan UTeM membenarkan sesuatu nombor kelas dipecahkan mengikut format (Periodicals, Societies, Congresses, etc) dan negeri walaupun ia tidak diperuntukkan dalam LC Schedules.

Misalnya:

| | |
|-----------|---|
| Mosques | |
| NA4670.A1 | Periodicals, societies, congresses |
| .A2 | General works |
| .A3-Z | By country, A-Z x general works x local A-Z |

Nombor Panggilan

Penggunaan jadual M4 dan M42 untuk Malaysia. Jadual ini digunakan untuk semua nombor kelas yang diberi arahan untuk pembahagian negeri A-Z, bukan hanya untuk kelas H dan N. Pembahagian ‘Local. A-Z bererti pembahagian mengikut abjad mengenai daerah, bandar dan sebagainya. Setiap tempat ditetapkan nombor Cutternya.

Contoh :

City planning -- Malaysia HT169.M4

City planning – Malaysia – Kuala Lumpur HT169.M42 K82

Buku beredisi, seminar atau *conference*, nombor tidak dikembangkan. Nombor panggilan adalah sama, cuma tahun yang berbeza.

Contoh :

QA39.2 N49 1982

Newmark, Joseph

Mathematics as a second language

3rd ed.

QA39.2 N49 1987

Newmark , Joseph

Mathematics as a second language

4th ed.

Jurnal

Sebarang perubahan pada judul jurnal, nombor panggilan asal dan cutter tidak berubah.

Contoh:

(Judul lama)

Geo Physical Journal of the Royal Astronomical Society QC801 G46

(Judul baru)

Geo Physical Journal International

QC801 G46

Namun pada tag 500 (nota) dinyatakan *Formerly known as Geo physical journal of the Royal Astronomical Society*

Jika jurnal tersebut dipecahkan kepada beberapa perkara bahagian, kekalkan nombor panggilan dan kembangkan nombor cutter

Contoh:

Journal of Physics A

QCI J66

Dipecahkan kepada :

- a) Journal of Physics B
QC1 J663
- b) Journal of Physics C
QC1 J664

MENGINDEKS TESIS, PROJEK SARJANA MUDA, PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG.

- ❖ Dalam mengkatalog tesis, projek sarjana muda dan penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang semua nama pengarang diambil walaupun sesuatu karya dihasilkan oleh lebih daripada 3 pengarang.
- ❖ Tarikh terbit tesis, projek sarjana muda, penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang - tarikh terakhir sesi pengajian tesis, projek sarjana muda, penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang ditulis.
- ❖ Penerbit tesis, projek sarjana muda, penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang yang dihasilkan di UTeM adalah di bawah Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

PROSIDING SEMINAR DAN PERSIDANGAN

Persidangan/seminar dan sebagainya diberi entri judul sekiranya nama persidangan/seminar tiada muka surat judul, sebaliknya terdapat pada muka surat bertentangan dan muka surat judul bahan dalam prakata.

Buat nota: “proceeding of the conference on ...” dan buat entri tambahan nama persidangan/seminar.

Nama tempat persidangan hendaklah ditulis penuh.

Contoh :

Conference Ecological Design (2000 : Kuala Lumpur, Malaysia)

Jika tempat persidangan tersebut diadakan di universiti, sila tulis nama penuh universiti berkenaan.

Contoh :

(Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Melaka, Malaysia)

Persidangan dalam Bahasa Melayu, bilangan persidangan hendaklah ditulis seperti berikut :

Contoh :

Persidangan Sains Komputer (Pertama :1989 : Kuala Lumpur, Malaysia)
Persidangan Sains Komputer (ke-2 : 1990 : Kuala Lumpur, Malaysia)

Persidangan dalam Bahasa Inggeris, bilangan persidangan hendaklah ditulis seperti berikut :

Contoh :

Conference and Exhibition on Offshore South East Asia (10th :1994 : Singapore)

KOLEKSI NOVEL

Hanya bahan yang berbentuk fiksyen sama ada dalam Bahasa Inggeris / Melayu yang dimasukkan ke dalam koleksi ini. Ini termasuklah novel, kumpulan cerita pendek/cerpen dan puisi.

Bagi Koleksi Novel Bahasa Melayu, ‘cutter’ khas pengarang koleksi novel Bahasa Melayu dan ‘cutter’ judul adalah seperti contoh berikut:

Pengarang: Anis Ayuni - .A54

Judul: Kasihku Abadi PL5139.A54 K37 2003
 Manisnya Cinta PL5139.A54 M36 2003
 Yang Terindah PL5139.A54 Y36 2003

AKTA

Bahan akta perlu menggunakan no. panggilan seperti berikut ;

|**a**KPG1229.A31995 |**b**.A4 2003

- *KPG1299 – Laws of Malaysia
- *A3[date] – Other individual acts / tahun akta
- *A42 atau – Cutter akta versi bahasa Melayu / dwibahasa
- *A4 -- Cutter akta sekiranya bahan akta versi bahasa Inggeris
- *2003 – tahun pindaan

**KPG
1299
.A31995
.A4
2003
rgp**

Bahan akta, untuk ‘added entry – corporate’ : Gunakan **Lembaga Penyelidikan Undang-undang**.

MAKALAH

Bahan makalah atau artikel perlu menggunakan no. panggilan seperti berikut:

Contoh:

MAK 00001

FOTOGRAF

Bahan fotografi perlu menggunakan no. panggilan seperti berikut:

Contoh:

FOT 00001 2009

GLOB

Bahan glob perlu menggunakan no. panggilan seperti berikut:

Contoh:

GLO 00001 1999

LUKISAN/POSTER

Bahan diterima setelah di ‘*laminate*’.

Nombor panggilan bagi lukisan:

Contoh :

LUK 00001 2008

Nombor panggilan bagi poster:

Contoh :

POS 00001 2009

PETA

Terdapat 3 jenis peta di Perpustakaan UTeM iaitu :

- a. Peta siri Malaysia
- b. Peta Malaysia
- c. Peta biasa

Setiap peta hendaklah dipasang tepian dan strip (bersebelahan dengan barkod) terlebih dahulu sebelum diindeks dan diproses.

Nombor panggilan untuk peta:

Contoh:

PET 00001 2009

PIAWAIAN/PATEN

Nombor panggilan piawaian bermula dengan prefix awalan STD

Dengan : STD - Piawai

Contoh :

MS 1022 : 1986
MS 1058 : PART 1 : 2002

Nombor panggilan paten bermula dengan prefix awalan PAT

Dengan : PAT - Paten

PAT 00001 2009

LAMPIRAN 1

NOMBOR PENGKELASAN LIBRARY OF CONGRESS UNTUK *INDIVIDUAL INSTITUTIONS*

| | |
|---|-------------|
| UTM | : LG173.K85 |
| UM | : LG173.K83 |
| UKM | : LG173.K82 |
| UPM | : LG173.S45 |
| UPSI | : LG173.P4 |
| USM | : LG173.P5 |
| UiTM | : LG173.S5 |
| UIA | : LG173.K84 |
| UUM | : LG173.K36 |
| UMS | : LG173.K68 |
| UNIMAS | : LG173.K63 |
| UTHM | : LG173.B37 |
| USIM | : LG173.N55 |
| UTeM | : LG173.M44 |
| UMP | : LG173.P3 |
| UMT | : LG173.T4 |
| UNIMAP | : LG173.K16 |
| UNISEL | : LG173.K87 |
| OUM | : LG173.K86 |
| POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ | : LG173.S6 |
| POLITEKNIK KOTA MELAKA | : LG173.M45 |

LAMPIRAN 2**POLISI MENGINPUT**

Rujuk manual setiap tag mewakili medan (field).

| TAG | IND1 | IND2 | SUBFIELD CODES | BIBLIOGRAFI |
|------------|-------------|-------------|-----------------------|---|
| 008 | | | | Tarikh |
| 010 | | | a | LCCN |
| 020 | | | a | ISBN |
| 022 | | | a | ISSN |
| 050 | 0 | 0 | a b | LCCN |
| 090 | 0 | 0 | a b | Nombor Panggilan |
| 100 | 1 | | a c | Pengarang |
| 100 | 0 | | a | Pengarang Melayu/India Malaysia |
| 110 | 1 | | a | Badan Selembaga |
| 111 | 1 | | a c d n | Nama mesyuarat/ seminar/ persidangan |
| 245 | 1 | 0 | a b c | Judul / Pengarang |
| 245 | 0 | 0 | a b c | Judul Melayu/ Edited by ...[et.al] |
| 250 | | | a | Edisi |
| 260 | | | a b c | Tempat/ Penerbit/ Tahun |
| 300 | | | a b c e | Fizikal buku |
| 310 | | | a | Frekuensi (untuk bahan serial) |
| 490 | | 0 | d | Siri |
| 500 | | | a | Bahan CD/Disket/Notasi |
| 502 | | | a | Disertasi/projek pelajar |
| 600 | 0 | 0 | | Nama Tokoh ..cth aAbdul Razak Hussin cTun d1921-1975 |
| 630 | 0 | 0 | a | Subject Added Entry - Uniform Title Entri tambahan perkara (Microsoft) |
| 650 | | 0 | a x z | Subject Added Entry - Topical Term Entri tambahan perkara |
| 700 | 1 | | a | Penulis berbangsa Inggeris |
| 700 | 0 | | a | Pengarang Melayu/ India Malaysia |
| 710 | 1 | 2 | a | Badan Selembaga |
| 850 | | | a | Holding Institution <i>Library holding</i> |
| | | | | Electronic Location and Access |
| 856 | 4 | 1 | u | uhttp://www.utm.edu.my |
| 996 | | | a | Kursus Fakulti.. Cth : BITM |
| 997 | | | | Kod Fakulti .. Cth ; FTMK |
| 998 | 0 | 0 | a | Singkatan Pengkatalog/Tarikh.. Cth : rh/300608 |

Kod Lokasi

KI – Kampus Induk

KBDR – Kampus Bandar

KIND – Kampus Industri

MEDI – Media Library

Kod Fakulti/Pusat Tanggungjawab

FKE – Fakulti Kejuruteraan Elektrik

FKEK – Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Komputer

FKM – Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

FKP – Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

FTMK – Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

FPTT – Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan

FTK – Fakulti Teknologi Kejuruteraan

CRIM – Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

PBPI – Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

PUB – Penerbit Universiti

Kod Frekuensi

ANN – Annual

BIE – Biennial (every two years)

BIM – Bimonthly (every two months)

BIW – Biweekly (every two weeks)

DAI – Daily

MON – Monthly

OTH – Other/irregular

QUA – Quarterly

SEA – Semiannual (twice a year)

SEM – Semimonthly (twice a month)

TRI – Triennial (every three years)

TTY – 3 times a year

WEK – Weekly

Kod SMD

ACT – Acts
RPT - Annual Report
BOK – Book
BJ – Bound Journal
CDR – CD-ROM
CAS – Cassette
Charts
DAT – Digital Audio Tape
Dictionary
DSK – Diskette
DVD – Digital Video Disk
Globes
Kit
LCD – Laser Disk
Long-term Research
Magazine
Maps
Patents
Photographs
Posters
Short-term Research
SLD – 35mm Slides
Standard
Technical Drawing
Transparencies
VCD – Video CD
VID – Video
JOU – Journal
THE – Thesis
UGP - Under Graduate Project
STD – Standards
SER – Bound Journal

Kod Bahan (Item Category)

A – Archives
AF – Archives Folio
BAN – Banned Items
BJ – Bound Journal
JA – Journal Archives
JOU – Journal Collections
MA – Magazine Archives
MAG – Magazine
MAO – Media Archives – Original
MAP – Map Collection
MEA – Media Archives
MEO – Media Collection – Original
MIC – Microfische
N – Novel
OAF – Open Shelf Archives Folio
OS – Open Shelf
OSA – Open Shelf Archives
OSF – Open Shelf Folio
OSS – Open Shelf Small
PAT – Patents
PCQ – Newspaper Cutting Collection
PRJ – Project Papers
R – Reference
RA – Reference Archives
RAF - Reference Archives Folio
RAP - Reference Archives Prospectus
RAQ - Reference Archives Examination Papers
RD – Reference Dictionary
RE – Reference Encyclopedia
RF – Reference Folio
RGP – Reference Government Publication
RM – Reference Map/Atlas
RP – Reference Prospectus
RS – Red Spot
RSM – Reference Small
RX – Reference Index/Abstract

Kod Kondisi

01 – Good Condition
02 – Torn
03 – Missing Pages
04 – Dog eared

Kod Kursus

BEKC - Sarjana Muda Kejuruteraan Elek (Kawalan, Instrumen, Automasi)
BEKE - Sarjana Muda Kejuruteraan Elek (Elektro Kuasa & Pemacu)
BEKM - Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Mekatronik)
BEKP - Sarjana Muda Kejuruteraan Elek (Kuasa Industri)
BENC - Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer)
BENE - Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektr. Industri)
BENT - Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektr. Komuni)
BENW - Ijazah Elektronik (Komunikasi Wayarles)
BITC - Sarjana Muda Teknologi Maklumat & Komputer (Rangkaian Komputer)
BITD - Sarjana Muda Teknologi Maklumat & Komunikasi(Pangkalan data)
BITI - Ijazah Sains Komputer (Kepintaran Buatan)
BITM - Sarjana Muda Teknologi Maklumat & Komunikasi(Media Interaktif)
BITS - Sarjana Muda Teknologi Maklumat & Komunikasi(Pem. Perisian)
BMCA - Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automatif)
BMCD - Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal(Rekabentuk & Inovasi)
BMCS - Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal(Struktur & Bahan)
BMCT - Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal(Termal & Bendalir)
BMFA - Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan(Robotik & Automasi)
BMFB - Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan(Bahan Kejuruteraan)
BMFP - Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan(Pro Pembuatan)
BMFR - Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan(Rekabentuk Pembuatan)
BMFU - Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan(Pengurusan Pembuatan)
DEK - Dip Kejuruteraan Elektrik
DEN - Dip Kejuruteraan Elektronik
DIT - Dip Tek Maklumat & Komunikasi
DMC - Dip Kejuruteraan Mekanikal
DMF - Dip Kejuruteraan Pembuatan
MEKA - Masters In Electrical Engineering
MELE - Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Elektrik
MENA - Masters In Electronics And Computer Engineering
MENT - Sarjana Sains (Pengurusan Teknologi)(Ment)
MICT - Sarjana Sains Dalam Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
MITA - Masters In Information Technology
MMAN - Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Pembuatan
MMCA - Masters In Mechanical Engineering
MMEC - Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan Mekanikal
MMFA - Masters In Manufacturing Engineering
PEKA - Doctor Of Philosophy In Electrical Engineering
PENA - Doctor Of Philosophy In Electronics & Comp. Eng.
PITA - Doctor Of Philosophy In Information & Com. Tech.
PMCA - Doctor Of Philosophy In Mechanical Engineering
PMFA - Doctor Of Philosophy In Manufacturing Engineering

LAMPIRAN 6

SINGKATAN TEMPAT PENERBITAN.

Bagi tempat penerbitan di United States, perlu dimasukkan singkatan seperti contoh berikut:

| NAMA TEMPAT | SINGKATAN |
|-----------------------|-----------|
| Alabama | AL |
| Arizona | AZ |
| Arkansas | AR |
| California | CA |
| Colorado | CO |
| Connecticut | CT |
| Delaware | DE |
| Florida | FL |
| Georgia | GA |
| Illinois | IL |
| Indiana | IN |
| Kansas | KS |
| Kentucky | KY |
| Louisiana | LA |
| Maine | ME |
| Maryland | MD |
| Massachusetts | MA |
| Michigan | MI |
| Minnesota | MN |
| Mississippi | MS |
| Missouri | MO |
| Montana | MT |
| Nebraska | NE |
| Nevada | NV |
| New Brunswick | NB |
| New Hampshire | NH |
| New Jersey | NJ |
| New Mexico | NM |
| North Carolina | NC |
| North Dakota | ND |
| Northern Territory | NT |
| Northwest Territories | NWT |
| Oklahoma | OK |
| Ontario | ON |
| Oregon | OR |
| Pennsylvania | PA |
| South Carolina | SC |
| South Dakota | SD |
| Texas | TX |
| Vermont | VT |
| Virginia | VA |
| Washington | WA |
| West Virginia | WV |
| Wisconsin | WI |

RINGKASAN LIBRARY OF CONGRESS CLASSIFICATION OUTLINE

- A -- GENERAL WORKS**
- B -- PHILOSOPHY. PSYCHOLOGY. RELIGION**
- C -- AUXILIARY SCIENCES OF HISTORY**
- D -- WORLD HISTORY AND HISTORY OF EUROPE, ASIA, AFRICA, AUSTRALIA,
NEW ZEALAND, ETC.**
- E -- HISTORY OF THE AMERICAS**
- F -- HISTORY OF THE AMERICAS**
- G -- GEOGRAPHY. ANTHROPOLOGY. RECREATION**
- H -- SOCIAL SCIENCES**
- J -- POLITICAL SCIENCE**
- K -- LAW**
- L -- EDUCATION**
- M -- MUSIC AND BOOKS ON MUSIC**
- N -- FINE ARTS**
- P -- LANGUAGE AND LITERATURE**
- Q -- SCIENCE**
- R -- MEDICINE**
- S -- AGRICULTURE**
- T -- TECHNOLOGY**
- U -- MILITARY SCIENCE**
- V -- NAVAL SCIENCE**
- Z -- BIBLIOGRAPHY. LIBRARY SCIENCE. INFORMATION RESOURCES (GENERAL)**